

sehinggalah dia hilang dari pandangan kami. Rasulullah s.a.w. tidak bangkit dari situ melainkan setelah tidak tinggal walaupun hanya satu dirham.”<sup>570</sup>

### بَابُ مَنْ دَعَا لِطَعَامٍ فِي الْمَسْجِدِ وَمَنْ أَجَابَ فِيهِ

16- Bab Orang Yang Menjemput Di Masjid Untuk Makan (Di Rumahnya) Dan Orang Yang Menerima Jemputan Itu (Juga) Di Dalamnya.<sup>571</sup>

٤٠٤ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ سَمِعَ أَنَسًا قَالَ وَحَدَّثَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ مَعَهُ نَاسٌ فَقُمْتُ فَقَالَ لِي أَرْسَلَكَ أَبُو طَلْحَةَ قُلْتُ نَعَمْ فَقَالَ لِطَعَامٍ قُلْتُ نَعَمْ فَقَالَ لِمَنْ مَعَهُ قَوْمُوا فَأَنْطَلَقَ وَأَنْطَلَقْتُ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ

404- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ishaq bin `Abdillah bin Abi Thalhah, (bahawa) dia telah mendengar Anas bin Malik menceritakan, katanya: “Saya mendapati Rasulullah s.a.w. berada di masjid bersama

<sup>570</sup> Antara pengajaran dan panduan yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Pemerintah berdasarkan budi bicaranya boleh memberikan sejumlah wang negara kepada mana-mana ra'yat yang difikirkan perlu. (2) Pemerintah tidak boleh menyembunyikan wang negara dalam keadaan menyedari ra'yat memerlukannya. (3) Kemurahan hati Nabi s.a.w. dan kezuhudannya terhadap mata benda dunia. (4) Nabi s.a.w. tetap akan memberikan apa saja yang ada padanya jika diminta oleh orang memang layak menerima apa yang dimintanya. (5) Keharusan meletakkan harta atau sesuatu yang diperlukan oleh orang ramai di dalam masjid jika tidak menimbulkan suasana heboh dan tidak mengganggu orang-orang yang bersembahyang di dalamnya. (6) Pemimpin semestinya menjaga diri daripada segala perkara yang boleh menimbulkan tohmahan dan keraguan di dalam hati ra'yat jelata. (7) Pemimpin seharusnya membahagi-bahagikan harta kekayaan negara dengan segera kepada orang-orang yang berhak dalam memerlukan. (8) Harta fai' dan hasil cukai boleh diberikan kepada orang miskin dan juga orang kaya.

<sup>571</sup> Menerusi bab ini Bukhari mahu menyatakan tiga perkara berikut: (1) Seseorang boleh menjemput orang yang berada di masjid untuk makan di rumahnya dan orang yang berada di masjid juga boleh menerima jemputan untuk makan di rumah seseorang. Perbuatan menjemput dan menerima jemputan di masjid seperti itu tidak termasuk dalam perkara yang salah pada pandangan agama meskipun pada zahirnya ia merupakan perkara dunia. Percakapan yang terlarang di dalam masjid ialah yang berkaitan dengan dunia semata-mata. Adapun percakapan berupa nasihat, perbincangan untuk kepentingan masyarakat umum, jemputan untuk makan di rumah atau lain-lain, itu sebenarnya dikira sebagai perkara kebaikan di dunia yang ada kaitannya dengan akhirat. Ia sama sekali tidak merupakan percakapan yang berkaitan dengan dunia semata-mata. (2) Oleh kerana hadits tentang jemputan di dalam masjid untuk makan ada yang menepati syarat Sahihnya, beliau terus menarik kesimpulan daripadanya dengan mengadakan tajuk bab di atas. Begitulah hendaknya sikap kita apabila berinteraksi dengan hadits Rasulullah s.a.w. Ambillah sebanyak mungkin pengajaran dan panduan daripadanya. Jadikanlah hadits-hadits Baginda s.a.w. sebagai rujukan utama dalam kehidupan kita. (3) Menjelaskan maksud hadits Nabi s.a.w. yang zahirnya menghadkan aktiviti di masjid dengan zikrillah, sembahyang dan membaca al-Qur'an semata-mata. Bukhari sendiri, Muslim, Nasaa'i, Baihaqi, Abu `Awanah, al-Bazzaar, Thahaawi dan lain-lain meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ* Bermaksud: Masjid hanya untuk zikrillah, sembahyang dan membaca al-Qur'an. Sedangkan banyak lagi aktiviti lain yang dilakukan oleh Rasulullah sendiri di masjid. Jadi tujuan sabda Nabi s.a.w. itu tidak lebih daripada menarik perhatian umat kepada perkara-perkara yang merupakan maksud utama pembinaan sesebuah masjid dan yang paling baik dilakukan di dalamnya. Ia sama sekali tidak bererti bahawa selain daripada yang disebutkan di dalam hadits di atas langsung tidak boleh dilakukan, walaupun berupa kebajikan dan `amalan-amalan kebaikan yang lain.

beberapa orang (sahabat). Saya (terus) berdiri. Nabi s.a.w. lantas bertanya aku: “Adakah Abu Thalhah menghantar engkau (datang ke sini)?” Saya menjawab: “Ya.” Beliau s.a.w. bertanya lagi: “Untuk makankah?” Saya menjawab: “Ya.” Baginda pun berkata kepada orang-orang yang berada bersamanya: “Bangun.” Lalu Baginda berangkat pergi dan saya pula berjalan di hadapan mereka.<sup>572</sup>

### بَابُ الْقَضَاءِ وَاللَّعَانِ فِي الْمَسْجِدِ بَيْنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ

#### 17- Bab Mengadili Perbicaraan (Sst Kes) Dan Berli`aan<sup>573</sup> Antara Lelaki Dan Perempuan Di Dalam Masjid.<sup>574</sup>

<sup>572</sup> Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan berjalan di hadapan seseorang pemimpin untuk menjaga keselamatannya atau menunjuk jalan atau untuk maksud-maksud yang lain. (2) Jemputan untuk makan di rumah dan sebagainya tidak semestinya berupa kenduri perkahwinan. (3) Menjemput orang di masjid untuk makan di rumah kita dan menerima jemputan seperti itu juga di dalamnya, tidak termasuk dalam urusan dunia yang dilarang agama, walaupun mungkin mencetuskan sedikit keriuhan. (4) Jemputan untuk makan juga merupakan perkara kebaikan yang mendatangkan pahala, kerana itu ia boleh dilakukan di dalam masjid. (5) Tidak salah mengajak orang datang ke rumah untuk makan walaupun makanan yang disediakan tidaklah seberapa. (6) Orang yang dijemput untuk makan boleh mengajak orang lain pergi bersamanya jika ia yakin tuan rumah atau orang yang mengajaknya tidak akan resah dan tersinggung perasaan dengan perbuatannya itu. Apa lagi jika ia yakin tuan rumah akan gembira dan berbesar hati dengan kedatangannya bersama orang-orang lain yang dibawanya. (7) Sebabnya Nabi s.a.w. mengajak orang-orang lain juga pergi bersamanya ke rumah Abu Thalhah ialah kerana beliau sudah mendapat tahu melalui wahyu bahawa walaupun makanan yang disediakan oleh Abu Thalhah sedikit, ia tetap akan cukup untuk mereka semua dengan berkat dan mu`jizat beliau yang akan ditunjukkan oleh Allah nanti. (8) Antara mu`jizat Nabi s.a.w. yang telah berlaku beberapa kali ialah makanan yang sedikit cukup untuk sekian ramai orang. Padahal dalam keadaan biasa makanan sebanyak itu mustahil akan cukup untuk orang yang begitu ramai. (9) Hadits ini sebenarnya panjang. Di dalam Kitab an-Nubuwwah dan lain-lain Bukhari mengemukakannya dengan panjang lebar tetapi di sini beliau mengemukakannya secara ringkas sahaja. Ini menunjukkan hadits yang panjang boleh diringkaskan, sekiranya ia tidak mengubah ma`na hadits itu atau maksud yang dikehendaki sudah tercapai dengan dikemukakan sebahagian daripadanya. Perbuatan meringkaskan hadits seperti ini dipanggil kharm (خرم). (10) Di dalam versi hadits ini yang panjang tersebut bahawa Ummu Sulaim menghantarkan kepada Nabi s.a.w. melalui Anas beberapa keping roti. Roti itu kiranya akan di makan oleh Baginda s.a.w. di dalam masjid, kerana beliau ketika itu berada di masjid. Maka secara tidak langsung ia menunjukkan keharusan makan di dalam masjid. Ibnu Majah di dalam Sunannya mengadakan satu bab bertajuk باب الأكل في المسجد (Bab Makan Di Dalam Masjid). Di bawahnya beliau mengemukakan satu hadits sahih daripada `Abdullah bin al-Harits bin Jaz`in az-Zubaidi. Berikut ialah teks dengan isnadnya yang lengkap di samping terjemahannya: حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ حُمَيْدٍ بْنُ كَاسِبٍ وَحَرَمَلَةُ بْنُ يَحْيَى قَالَا حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهَبٍ أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ حَدَّثَنِي سُلَيْمَانُ بْنُ زَيْدٍ الْحَضْرَمِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ الْحَارِثِ بْنَ جَزْءٍ الرَّبِيعِيَّ يَقُولُ كُنَّا نَأْكُلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ الْخَيْرَ وَاللَّحْمَ

Bermaksud: `Abdullah bin al-Harits bin Jaz`in az-Zubaidi menceritakan, katanya: “Di zaman Rasulullah s.a.w. selalu kami makan roti dan daging di dalam masjid.” Ibnu Hibbaan juga mengemukakan hadits di atas di bawah tajuk ذكر الإباحة للمرء أكل الخبز واللحم في المساجد (Hadits Yang Menyebutkan Tentang Keharusan Seseorang Memakan Roti Dan Daging Di Dalam Masjid) dengan sedikit tambahan di akhirnya iaitu ثم نصلّي ولا نتوضأ (kemudian kami bersembahyang tanpa berwudhu). Ini semua menunjukkan para `ulama`, terutamanya `ulama` hadits berpendapat harus makan dan minum di dalam masjid.

<sup>573</sup> Li`aan daripada segi bahasa bererti saling mengutuk atau saling meminta agar dila`nat Allah. Dalam berli`aan suami isteri saling meminta agar dila`nat Allah jika mereka berdusta dalam da`waan masing-masing. Daripada segi syara` ia bererti tuduhan berzina dengan mengangkat sumpah. Dalam kes seseorang suami menuduh isterinya

berzina tetapi tidak dapat mengemukakan empat orang saksi, si suami dibenarkan berli'an (melakukan li'an) iaitu bersumpah sebanyak empat kali di hadapan hakim untuk memperkuat tuduhannya dan untuk mengelak daripada dikenakan hukuman qazaf (sebatan sebanyak lapan puluh rotan) kerana menuduh isterinya berzina. Selepas empat kali bersumpah bahawa ia benar dalam tuduhannya, pada kali kelima pula ia menyatakan bahawa la'nat (kutukan) Allah akan menimpa dirinya jika tuduhannya tidak benar. Akibat li'an hubungan suami isteri akan terputus dan si isteri pula akan di rejam sampai mati, kecuali jika si isteri bersumpah pula sebanyak empat kali bahawa ia benar dalam penafiannya. Pada kali kelima pula ia mengatakan, kutukan Allah akan menimpa dirinya jika tuduhan suaminya benar. Suami isteri yang telah berli'an akan bercerai dengan sendirinya dan mereka tidak dapat hidup bersama lagi buat selama-lamanya. Firman Allah berkenaan dengan hukum li'an dan kifiatnya dapat dilihat di dalam Surah an-Nur, ayat 6 hingga 9. Untuk lebih jelas, lihatlah ayat-ayat itu bersama terjemahannya di bawah ini:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدُوا أَحَدَهُمْ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾ وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾ وَيَذَرُوا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾ وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina), sedangkan mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka sendiri, maka persaksian orang itu ialah empat kali bersumpah dengan nama Allah, sesungguhnya dia dari orang-orang yang benar.

dan (sumpah) yang kelima: Bahawa la'nat Allah akan menimpa dirinya jika dia dari orang-orang yang berdusta. Isterinya itu dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya empat kali atas nama Allah sesungguhnya suaminya itu benar-benar dari orang-orang yang berdusta.

dan (sumpah) yang kelima: Bahawa la'nat Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar. (An-Nuur:6-9). 'Athaf perkataan اللعان kepada perkataan القضاء adalah termasuk dalam bab عطف الخاص على العام.

<sup>574</sup> Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari seperti Hafiz al-'Aini, al-Qasthallaani dan lain-lain berpendapat perkataan 'Antara Lelaki Dan Perempuan' di dalam tajuk bab di atas adalah lebihan yang tidak diperlukan dan ia merupakan satu kesilapan (حشو زائد ولغو). Alasannya ialah li'an sudah tentu berlaku di antara lelaki dan perempuan. Lebih tepat lagi jika dikatakan ia semestinya berlaku di antara suami dan isteri. Selain itu perkataan ini tidak terdapat di dalam kebanyakan nuskah Sahih bukhari. Ia hanya terdapat di dalam nuskah Mustamli. Alasan yang sama mungkin dipakai oleh sesetengah penyalin nuskah Mustamli sendiri sehingga digugurkan juga daripadanya perkataan 'Antara Lelaki Dan Perempuan' itu. Kerana itulah Hafiz Ibnu Hajar mengatakan: "Perkataan 'Antara Lelaki Dan Perempuan' telah terjatuh dari riwayat al-Mustamli." Maksud Ibnu Hajar ialah perkataan itu pada asalnya memang ada di dalam nuskah al-Mustamli. Bagaimanapun pensyarah-pensyarah yang menerima adanya perkataan itu di dalam nuskah Mustamli tetap menganggap ia suatu lebihan yang tidak diperlukan dan ia merupakan satu kesilapan. Berbeza dengan Syekhul hadits Maulana Muhammad Zakariya dan orang-orang yang sependapat dengannya, walaupun mereka menghormati pendapat golongan yang mengatakan ia adalah tambahan yang tidak diperlukan, namun mereka lebih cenderung membenarkan nuskah Mustamli yang asal dan mempertahankannya kerana beberapa alasan. (1) Punca sebenar para pensyarah menganggap perkataan 'Antara Lelaki Dan Perempuan' di dalam tajuk bab di atas sebagai lebihan yang tidak diperlukan dan ia merupakan satu kesilapan ialah sangkaan mereka bahawa muta'allaq (tempat bergantung) zaraf di dalamnya ialah perkataan اللعان. Padahal di sini Bukhari tidak menganggap perkataan اللعان sebagai muta'allaqnya. Muta'allaq zaraf di dalam tajuk bab di atas sebenarnya ialah perkataan القضاء bukan perkataan اللعان seperti yang disangkakan oleh kebanyakan pensyarah itu. Perkataan اللعان hanya sekadar contoh kepada القضاء iaitu pengadilan perbicaraan yang pernah berlaku di dalam masjid semasa hayat Nabi s.a.w. berdasarkan hadits di bawah bab ini yang menepati syarat beliau. Oleh kerana itulah Bukhari menambahkan perkataan اللعان selepas menyebutkan perkataan القضاء. Apa yang dibuat Bukhari sehingga kebanyakan pensyarah Sahihnya terkeliru ialah beliau menyebut perkataan اللعان selepas perkataan القضاء. Tetapi jika direnungi betul-betul, perkataan اللعان di sini tidak lebih dari satu sisipan atau kalimat mu'taridhah sahaja dan jika tarkib asalnya ditaqdirkan begini: باب القضاء في المسجد بين الرجال والنساء, niscaya akan hilanglah kekeliruan itu. Apabila diterima perkataan القضاء adalah muta'allaq zaraf dan tidak salah daripada segi ilmu Nahu walaupun ia dipisahkan daripada mut'alliqnya oleh perkataan اللعان, maka tiada lagi kemusykilan tentang kenapa ditambah pula perkataan 'Antara Lelaki Dan Perempuan' setelah disebut sebelumnya perkataan اللعان. Sebabnya ialah mengadakan perbicaraan tidak semestinya berlaku di antara lelaki dan lelaki. Ia boleh berlaku di antara lelaki dan perempuan dan boleh juga berlaku di antara perempuan sesama perempuan. Maksud Bukhari ialah jika pengadilan perbicaraan di antara lelaki dan perempuan boleh dilakukan di dalam masjid, tentulah pengadilan di antara sesama lelaki lebih-lebih lagi dibolehkan. (2) Dengan mengadakan bab ini Bukhari mahu menarik perhatian pembaca kepada khilaf yang berlaku di kalangan 'ulama' salaf tentang mengadakan perbicaraan di dalam masjid. Ada yang membolehkannya, malah menganggapnya sesuatu yang elok tetapi ada juga yang tidak membolehkannya. Antara tokoh yang tidak

٤٠٥ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُوسَى قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ قَالَ أَخْبَرَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ شِهَابٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ رَجُلًا وَجَدَ مَعَ امْرَأَتِهِ رَجُلًا أَيْقَلْتُهُ فَتَلَاعَنَّا فِي الْمَسْجِدِ وَأَنَا شَاهِدٌ

405- Yahya bin Musa meriwayatkan kepada kami, katanya: Abdur Razzaq meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Juraij meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Syihab meriwayatkan kepadaku daripada Sahl bin Sa'ad bahawa ada seorang lelaki berkata: "Wahai Rasulullah! Apa katamu tentang seseorang yang telah mendapati seorang lelaki yang lain bersama isterinya.

membolehkannya atau sekurang-kurangnya menganggapnya makruh dan khilaf aula ialah `Umar bin `Abdil `Aziz, Sa'id bin Musaiyyab dan asy-Syafi'e. Di dalam suratnya kepada al-Qasim bin `Abdir Rahman, `Umar bin `Abdil `Aziz melarang hakim daripada mengadakan perbicaraan di dalam masjid. Sa'id bin Musaiyyab pula berkata: "Kalau saya ada kuasa, saya tidak akan membiarkan dua orang pun bertengkar (berlawan cakap) di dalam masjid. Maksud beliau ialah bertengkar dalam perbicaraan. Yang dianggap makruh oleh asy-Syafi'e menurut al-Qasthallaani ialah apabila dijadikan masjid sebagai tempat yang tetap untuk mengadakan perbicaraan. Tokoh-tokoh yang membenarkan perbicaraan dilakukan di dalam masjid sama ada sebagai wajib, elok atau harus, terlalu ramai. Antara mereka ialah Saiyyidina `Umar, `Utsman, `Ali, Qadhi Syuraih, Zurarah bin Aufa, Sya'bi, Hasan Bashri, Marwaan bin al-Hakam, Muharib bin Ditsaar, Yahya bin Ya'mur, Ibnu Abi Laila, Abu Hanifah, Malik, Ahmad, Ishaq, Sufyan ats-Tsauri dan jumhur `ulama', termasuk Imam Bukhari. Imam Malik berkata: "Mengadili perbicaraan di dalam masjid adalah antara `amalan umat Islam semenjak dahulu lagi." Imam Ahmad pula berkata: "Umat Islam sentiasa (sejak dahulu hingga sekarang) mengadili perbicaraan di dalam masjid-masjid." Berhubung dengan berli'aan di dalam masjid, Ibnu Rajab menulis: "Kami tidak mengetahui ada peselisihan pendapat `ulama' tentang keharusan berli'aan di dalam masjid antara suami isteri beragama Islam. Mereka hanya berbeza pendapat tentang sama ada ia elok (mustahab), wajib atau harus. Imam Syafi'e dalam salah satu pendapatnya mengatakan wajib. Dalam pendapat keduanya pula beliau mengatakan mustahab. Inilah pendapat kebanyakan tokoh-tokoh dalam mazhab kita (mazhab Ahmad). Sesetengah `ulama' pula berpendapat ia hanya harus bukan elok atau mustahab. Inilah pendapat terbaik bagi penulis. (3) Tujuan sebenar Bukhari mengadakan bab di atas ialah untuk menyabitkan keharusan melakukan beberapa perkara yang pada zahirnya mungkin dianggap tidak boleh atau tidak sesuai dilakukan di dalam masjid, tetapi oleh kerana ia dilakukan oleh Nabi s.a.w. sendiri maka ia dibolehkan oleh para `ulama' dari setiap aliran mazhab. Antara perkara yang seperti itu ialah القضاء atau mengadili perbicaraan. (4) Di dalam Kitab al-Ahkaam Bukhari mengadakan satu tajuk bab yang lebih kurang sama dengan bab ini, begini teksnya: باب مَنْ قَضَى وَلَا عَنْ فِي الْمَسْجِدِ (Bab Orang Yang Mengadili Perbicaraan Dan Berli'aan Di Dalam Masjid). Di situ tidak pula Bukhari menambahkan perkataan بين الرجال والنساء. Jika dilihat kepada terjemahannya, tiada beza sebenarnya bab ini dengan bab di dalam Kitab al-Ahkaam itu. Bagi Syeikhul hadits Maulana Muhammad Zakariya, sebabnya Bukhari tidak menambahkan perkataan itu di dalam Kitab al-Ahkaam ialah kerana maksud utama beliau di situ ialah menyatakan hukum berli'aan di dalam masjid. Maka tidak perlu lagi selepas perkataan لَا عَنْ disebutkan perkataan بين الرجال والنساء, kerana semestinya ia berlaku di antara lelaki dan perempuan iaitu suami dan isteri. Di dalam bab yang sedang kita bicarakan ini pula maksud utamanya ialah menyatakan hukum mengadili perbicaraan sama ada perbicaraan tentang kes yang menuntut li'aan atau kes-kes lain. (5) Sesetengah `ulama' yang tidak membolehkan perbicaraan kes-kes di dalam masjid, menyatakan sebab kenapa ia tidak dibolehkan. Bagi mereka sekiranya dibenarkan pengadilan di dalam masjid, maka sudah tentu akan masuk ke dalamnya orang-orang perempuan dan juga orang-orang kafir. Padahal bukankah pada ketika-ketika tertentu perempuan tidak dibenarkan memasukinya? Misalnya pada ketika datang bulan. Orang-orang kafir juga pada pandangan mereka tidak dibenarkan memasuki masjid, kerana ia najis berdasarkan nas al-Quran. Jadi bagaimana akan dibicarakan mereka ini di dalam masjid?? Bagi Bukhari, ini merupakan salah satu bukti bahawa wanita walaupun ketika berhaidh boleh memasuki masjid. Begitu juga dengan orang-orang yang berjunub. Justeru para `ulama' Salaf yang membenarkan perbicaraan yang melibatkan kehadiran wanita ke dalam masjid, tidak pernah diriwayatkan bertanya mereka terlebih dahulu sebelum dibicarakan di dalam masjid, sama ada mereka dalam keadaan datang bulan atau tidak. Orang-orang kafir juga bagi Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya dibenarkan masuk ke dalam masjid sekiranya zahir tubuh dan pakaian mereka bersih. Masjid yang dilarang orang-orang kafir memasukinya berdasarkan nas itu hanyalah Masjidil Haram. Itu pun bukanlah kerana tubuh mereka kotor atau najis malah yang dikatakan najis oleh al-Qur'an ialah aqidah mereka jua.

Adakah dia boleh membunuhnya?" Maka kedua-dua suami isteri itu berli'aan (saling mengucapkan kata-kata li'aan) di dalam masjid dalam keadaan aku menyaksikan (peristiwa itu).<sup>575</sup>

### بَابُ إِذَا دَخَلَ بَيْتًا يُصَلِّي حَيْثُ شَاءَ أَوْ حَيْثُ أَمَرُوا لَا يَجَسَّسُ

18- Bab: Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Adakah Dia Boleh Bersembahyang Di Mana Dia (Sendiri) Suka Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang).<sup>576</sup>

<sup>575</sup> Bukhari mengemukakan hadits Sahl bin Sa'ad secara ringkas sahaja di sini. Tetapi di dalam Kitab at-Thalaaq nanti beliau akan mengemukakannya dengan lengkap melalui beberapa saluran riwayat. Beliau akan membawa hadits ini dengan lengkap di sana untuk membuktikan beberapa masalah. Banyaklah hukum dan panduan yang disimpulkan oleh Bukhari daripada hadits Sahl yang lebih terperinci itu. Antaranya ialah adakah li'aan merupakan sumpah yang diperkuat dengan kesaksian atau ia merupakan kesaksian yang diperkuat dengan sumpah? Kesimpulan dan inti pati hadits Sahl itu ialah ada seorang sahabat bernama 'Uwaimir tampil ke hadapan Rasulullah s.a.w. lalu bertanya Baginda, katanya: "Bagaimana kalau seseorang mendapati isterinya sedang bersama seseorang lelaki yang lain (sedang bermukah dengannya)? Kalau dia membunuhnya, apakah kamu akan membunuhnya pula (sebagai qisas). Kalau dia tidak boleh membunuhnya, maka apakah yang harus dilakukannya? Tentu sekali sukar untuk dikemukakannya empat orang saksi dalam keadaan yang tidak diduga itu? Maka turunlah ayat li'aan sebagai ganti empat orang saksi. Rasulullah s.a.w. pun memerintahkan agar suami isteri berkenaan berli'aan di dalam masjid. Di sinilah letaknya kesesuaian hadits Sahl dengan bab yang diadakan oleh Bukhari. Walaupun peristiwa ini khusus berkenaan dengan li'aan, tetapi ia juga merupakan satu keputusan dalam pengadilan Nabi s.a.w. Daripada peristiwa-peristiwa seperti inilah Bukhari membuat kesimpulan bahawa mengadili perbicaraan sesuatu kes di dalam masjid sekurang-kurangnya adalah diharuskan, walaupun kes yang dibicarakan di dalam masjid itu melibatkan lelaki dan perempuan.

<sup>576</sup> Pada umumnya pensyarah-pensyarah Sahih Bukhari membahagikan tajuk bab ini kepada dua bahagian. **Pertama:** Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Adakah Dia Boleh Bersembahyang Di Mana Dia (Sendiri) Suka. **Kedua:** Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang). Berdasarkan terjemahan ini, sebelum perkataan يصلي semestinya ada haraf istifham yang ditaqdirkan. Haraf yang ditaqdirkan itu sama ada هل atau لا. Ini bererti bahagian pertama berkait dengan kehendak pengunjung dan bahagian kedua pula berkait dengan kehendak pengundang. Bagi penulis tajuk bab di atas boleh juga dibahagikan kepada tiga bahagian dan bahagian ketiganya ialah: Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang). Tajuk bab di atas boleh juga diterjemahkan begini: Bab: Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Dia Hendaklah Bersembahyang Di Tempat Yang Dikehendaki (Oleh Tuan Rumah) Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Mengintip Atau Mencari-Cari Kesalahan Dan Keaiban Orang (Terutamanya Apabila Masuk Ke Rumahnya). Berdasarkan terjemahan kedua ini bahagian ketiga merupakan satu arahan yang berasingan dan tiada kena mengena dengan dua bahagian sebelumnya. Ia bukan ayat penguat atau pelengkap dua bahagian sebelumnya. Dengan kata lain ia merupakan ta'sis bukan ta'kid (تأسيس لا تأكيد). Ia juga bererti perkataan يصلي tidak dipakai sebagai khabar tetapi sebagai insyaa' iaitu ليصل. Jumlah seperti ini dipanggil (خبرية لفظا إنشائية معنى). berdasarkan terjemahan ini kedua-dua bahagian di dalam tajuk bab di atas berkait dengan kehendak pengundang atau tuan rumah. Bagaimanapun terjemahan pertama yang diberikan di atas adalah lebih tepat dan bahagian ketiganya jika diterima pun hanyalah sebagai تأسيس bukan تأكيد. Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud beliau mengadakan bab ini. (1) Al-Muhallab, Ibnu Batthaal dan al-Maziri berpendapat orang yang diundang untuk bersembahyang di rumah seseorang tidak boleh memilih tempat